

## PERATURAN PERTANDINGAN LARI BERGANTI-GANTI JALANRAYA

### 1. AM

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Lari Berganti-ganti Jalanraya Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) atau disebut sebagai "**Pertandingan Lari Berganti-Ganti Jalanraya Sukan NRE 2005**".

### 2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan dan dikelolakan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

### 3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua kakitangan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE).
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari sembilan (9) peserta adalah empat (4) lelaki (termasuk 2 orang veteran), dua (2) wanita dan tiga (3) peserta simpanan. Pendaftaran hendaklah menggunakan **Borang NRE-LB** yang disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik.

### 4. TEMPAT, TARIKH, MASA DAN JADUAL PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan diadakan di jalanraya (lokasi akan ditentukan kemudian)
- 4.2 Tarikh pertandingan ialah pada 10 Julai 2005.
- 4.3 Pertandingan akan bermula pada jam 6.30 pagi.
- 4.4 Semua pasukan yang bertanding hendaklah berada di tempat permulaan sepuluh (10) minit sebelum pertandingan bermula. Penyertaan sesebuah pasukan akan dibatalkan jika pasukan berkenaan gagal berada di lokasi pertandingan lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.

### 5. AHLI PASUKAN

- 5.1 Pertandingan lari berganti-ganti jalanraya dibuka kepada semua anggota Jabatan / Agensi di bawah NRE.
- 5.2 Setiap pasukan terdiri daripada enam (6) pelari iaitu empat (4) lelaki (termasuk 2 veteran) dan dua (2) wanita.
- 5.3 Pelari-pelari veteran mestilah lelaki yang sekurang-kurangnya berumur empat puluh (40) tahun pada **1 Januari 2005**.
- 5.4 Tiga (3) orang pelari dari mana-mana pasukan yang mempunyai seramai sembilan (9) pelari, akan dirujuk sebagai pelari simpanan yang terdiri daripada seorang lelaki, seorang veteran dan seorang wanita.

### 6. UNDANG-UNDANG

- 6.1 Jarak keseluruhan bagi acara lari berganti-ganti jalanraya ialah 6.0 km.
- 6.2 Pelari PERTAMA dan KELIMA bagi setiap pasukan mestilah seorang VETERAN.
- 6.3 Pelari KEDUA dan KEEMPAT bagi setiap pasukan mestilah seorang WANITA.
- 6.4 Pelari KETIGA dan KEENAM bagi setiap pasukan mestilah seorang lelaki.
- 6.5 Pertukaran pelari tidak dibenarkan sebaik sahaja acara lari berganti-ganti ini bermula.
- 6.6 Setiap pelari perlu berlari sejauh 1.0 km dan selepas itu menyerahkan selempang (sash) kepada pelari berikutnya sehingga larian tamat.
- 6.7 Penyerahan selempang (sash) harus dilakukan dalam lingkungan 10 meter sebelum/selepas pelari itu tamat lariannya.
- 6.8 Setiap pelari diwajibkan memakai selempangnya setiap masa berlari. Pelari yang tidak memakainya akan dibatalkan lariannya bersama-sama pasukannya.
- 6.9 Setiap pelari hanya dibenarkan berlari sejauh 1.0 km. Mana-mana pasukan yang didapati menggunakan pelari yang sama untuk berlari lebih dari 1.0 km akan dibatalkan lariannya.

- 6.10 Senarai akhir yang mengandungi enam (6) pelari (4 lelaki dan 2 wanita) harus diserahkan kepada penganjur pertandingan sekurang-kurangnya sepuluh (10) minit sebelum acara bermula.
- 6.11 Mana-mana pelari yang didapati menghalang dan mencederakan pelari lain akan dibatalkan lariannya bersama-sama pasukannya.
- 6.12 Semua pelari dinasihatkan mengikut arahan pegawai bertugas dan sekiranya didapati melanggar arahan ini akan dibatalkan lariannya bersama-sama pasukannya.
- 6.13 Semua pelari diminta mengisi borang "**INDEMNITY**" yang akan diberikan.
- 6.14 Mana-mana pelari yang tidak melengkapinya sebelum acara bermula, tidak akan dibenarkan menyertai acara ini sehingga dia berbuat demikian.
- 6.15 Pelari KEENAM yang melintasi garisan penamat dahulu, akan dikira pemenang dan pasukannya akan menjadi Johan bagi acara lari berganti-ganti jalanraya ini.
- 6.16 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan dan Tatatertib adalah Muktamad.

## **7. BANTAHAN DAN RAYUAN**

- 7.1 Mana-mana pasukan yang ingin membuat bantahan/rayuan terhadap keputusan mesti melakukan dalam jangka masa lima belas (15) minit selepas pertandingan tamat.
- 7.2 Semua bantahan/rayuan harus disertakan dengan wang cagaran berjumlah RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja) bersama-sama dokumen berkaitan bagi menyokong rayuan yang dibuat kepada Jawatankuasa Pertandingan.
- 7.3 Jika rayuan ditolak, wang pertaruhan tidak akan dikembalikan. Wang ini akan dikembalikan jika bantahan atau rayuan diterima.
- 7.4 Mana-mana pasukan yang mempunyai bantahan/rayuan yang ditolak ke atas pasukan mereka adalah tidak layak dan tidak akan menerima sebarang hadiah atau mata dalam acara ini.